



**KOLABORASI KOMUNITI DALAM PENAMBAHBAIKAN SEKOLAH: KAJIAN  
KES DI SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH, KUALA LUMPUR**

**FAEZ NAZHAN PHANG ABDULLAH**



**LAPORAN KERTAS PROJEK / DISERTASI / TESIS DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN/  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**





## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka sejauhmana kolaborasi komuniti dapat membantu penambahbaikan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) Kuala Lumpur. SBJK merupakan sebuah sekolah istimewa yang menempatkan kanak-kanak jalanan di sekitar Chow Kit. Penglibatan komuniti dengan sekolah dalam kajian ini adalah diadaptasi dan diubahsuai daripada Model Penglibatan Ibu Bapa, Kementerian Pendidikan Malaysia; dan Model Hoover-Dempsey dan Sandler. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kaedah kajian kes. Seramai 16 orang responden yang terdiri daripada warga sekolah (8 orang), pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (4 orang), ahli kumpulan penggerak Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (2 orang) serta wakil komuniti (2 orang) terlibat dalam kajian ini. Temubual separa berstruktur dijalankan dengan menggunakan protokol temubual yang disediakan. Data temubual dianalisis dengan mengeluarkan tema-tema tertentu berdasarkan soalan kajian berpandukan prinsip analisis kualitatif bertema seperti yang digariskan oleh Miles dan Huberman. Hasil temubual menunjukkan kolaborasi yang dilaksanakan memberi kesan kepada transformasi kepimpinan sekolah terutama dalam prosedur pengurusan dan membuat keputusan termasuk memupuk pembinaan hubungan berdasarkan kepercayaan dengan komuniti. Hubungan timbal-balik antara pihak sekolah dan komuniti dapat memperbaiki imej dan persepsi masyarakat terhadap kanak-kanak jalanan dari aspek kebersamaan serta pembentukan kualiti kehidupan yang lebih baik. Kesimpulannya, dapatan utama kajian mengesahkan penambahbaikan sekolah dalam pelbagai bidang dapat dicapai melalui hubungan kolaborasi. Implikasi kajian ini menunjukkan kolaborasi komuniti membolehkan para pendidik dan komuniti mempelajari antara satu sama lain tentang kejayaan amalan, penyelesaian kepada cabaran dan bagaimana perkongsian mempengaruhi kemenjadian pelajar.





**COMMUNITY COLLABORATION IN SCHOOL IMPROVEMENT:  
A CASE STUDY IN SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH,  
KUALA LUMPUR**

**ABSTRACT**

The purpose of this study is to explore to what extent community collaboration helps on the improvement in Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) Kuala Lumpur. SBJK is a special school which houses street child around Chow Kit area. Community involvement in the study was adapted and modified from *Model Penglibatan Ibu Bapa*, Ministry of Education Malaysia; and Hoover-Dempsey and Sandler Model. This study applied qualitative method using case study. A total of 16 respondents consisting of schools' officers (8 persons), officials from the Ministry of Education (4 persons), members of *Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti* (2 persons) and representatives from the community (2 persons) were involved in this study. Semi structured interviews were conducted based on the designated interview protocols. The data were then analyzed by extracting certain themes based on the research questions and the analysis adhered to the principles of qualitative thematic analysis as outlined by Miles and Huberman. The findings showed that collaboration does give some impact on the transformation of school leadership especially in management procedures and decision making which includes fostering relationship based on trust within the community. This reciprocal relationship between school and community helps improve the image and perception of street children in terms of having the sense of belonging as well as forming better quality of life. In conclusion, the main finding of this study verified school improvement in various fields can be achieved through collaborative relationships. The implications of this study attest that community collaboration enables educators and communities to learn from each other about successful practices, solutions to major challenges and how partnership of these two components directly influence the outcome of the students.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	PENGENALAN	1
1.2	LATAR BELAKANG KAJIAN	3
1.2.1	Meramalkan Keputusan	7
1.2.2	Memperkasakan Usaha	7
1.2.3	Memastikan Kejayaan	8
1.2.4	Berterusan	8
1.3	PERNYATAAN MASALAH	9
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	15
1.5	SOALAN KAJIAN	16

1.6	KERANGKA TEORI KAJIAN	17
1.7	KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	23
1.8	BATASAN KAJIAN	25
1.9	DEFINISI OPERASIONAL	27
1.9.1	Kolaborasi	27
1.9.2	Komuniti	28
1.9.3	Kolaborasi Komuniti – Sekolah	30
1.9.4	Penambahbaikan Sekolah	31
1.9.5	Kanak – Kanak Gelandangan	33
1.9.6	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih	34
1.10	RUMUSAN	36

2.1	PENGENALAN	37
2.2	TAKRIFAN KOLABORASI	39
2.3	KONSEP KOLABORASI	44
2.4	PROSES KOLABORASI	55
2.4.1	Dialog Bersemuka	56
2.4.2	Pembinaan Kepercayaan Dan Amanah	57
2.4.3	Komitmen Terhadap Proses	57
2.4.4	Perkongsian Kefahaman	58
2.4.5	Tadbir Urus	58
2.4.6	Pentadbiran	59
2.4.7	Autonomi Organisasi	60

2.4.8	Kebersamaan	60
2.4.9	Norma-Norma	61
2.5	KONSEP KOMUNITI	62
2.6	PENAMBAHBAIKAN SEKOLAH	65
2.6.1	Kemajuan Berasaskan Sekolah	66
2.7	KAJIAN BERHUBUNG KOLABORASI KOMUNITI DAN SEKOLAH	67
2.7.1	Kolaborasi Dalam Negara	68
2.7.2	Kolaborasi Luar Negara	73
2.8	MODEL PELIBATAN KOMUNITI	84
2.8.1	Model Pelibatan Ibu Bapa/ Keluarga Oleh Joyce Epstein (1989)	87
2.8.2	Model Pendidikan Berkualiti 6S	88
2.8.2	Model Penglibatan Ibu Bapa Hoover- Dempsey dan Sandler (1997)	90
2.9	SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH	92
2.10	RUMUSAN	94

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN** 95

3.1	PENGENALAN	95
3.2	REKABENTUK KAJIAN	96
3.2.1	Kaedah Kajian	97
3.2.2	Penyelidikan Kajian Kes	99
3.2.3	Jenis dan Sifat Penyelidikan Kajian Kes	102
3.2.4	Justifikasi Penggunaan Penyelidikan Kes	104

3.3	TEMPOH KAJIAN	106
3.4	LOKASI KAJIAN	107
3.4.1	Pemilihan Sekolah	107
3.5	PEMILIHAN PESERTA KAJIAN	108
3.6	INSTRUMEN KAJIAN	110
3.7	KAEDAH PENGUMPULAN DATA	112
3.7.1	Temubual	115
3.7.2	Pemerhatian Proses Kolaborasi	119
3.7.3	Analisis Dokumen	121
3.8	PROSEDUR ANALISIS DATA	121
3.8.1	Mengurus Data	122
3.8.2	Proses Memahami Data	122
3.8.3	Menganalisis Data	123
3.8.4	Keesahan	124
3.8.4.1	Triangulasi	125
3.8.4.2	Bias Penyelidik	128
3.8.5	Kebolehpercayaan	129
3.8.5.1	Jejak Audit	129
3.8.5.2	Semakan Rakan Sekerja	130
3.9	ETIKA DALAM KAJIAN	131
3.9	RUMUSAN	133

<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	134
4.1	PENGENALAN	134
4.2	PROFIL RESPONDEN	135
4.3	ANALISA DAPATAN KAJIAN	148
4.3.1	Persoalan Kajian 1	148
4.3.2	Persoalan Kajian 2	154
4.3.3	Persoalan Kajian 3	163
4.3.4	Persoalan Kajian 4	170
4.4	RUMUSAN	177
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	178
5.1	PENGENALAN	178
5.2	PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	179
5.2.1	Kepimpinan Sekolah	180
5.2.2	Transformasi Instruksional	182
5.2.3	Pengembangan Bakat	183
5.2.4	Perubahan Budaya	185
5.2.5	Keberkesanan Model	187
5.3	IMPLIKASI KAJIAN	188
5.3.1	Implikasi Terhadap Sekolah	189
5.3.1	Implikasi Terhadap KPM	190
5.3.1	Implikasi Terhadap Komuniti	190

5.4	CADANGAN KAJIAN	194
5.4.1	Komitmen Kementerian Pendidikan Dan Kerjasama Warga Sekolah	194
5.4.2	Pelibatan Komuniti Perlu Dikomersialkan	196
5.5	KAJIAN MASA DEPAN	197
5.6	RUMUSAN	198
<b>RUJUKAN</b>		199
<b>LAMPIRAN</b>		

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
Jadual 2.8	Jenis Model Penglibatan Komuniti	86
Jadual 3.7.1	Ciri Ujian dan Taktik Kajian Kes	119
Jadual 4.1	Profil Responden	136
Jadual 4.2	Kolaborasi Pengurusan Sekolah Dalam Menggalakkan Kecekapan Dan Keberkesanan Kepimpinan	153
Jadual 4.3	Struktur Kolaborasi Sekolah Dengan Komuniti	161
Jadual 4.4	Hubungan Kolaborasi Sekolah Dengan Komuniti Dalam Membantu Pelajar Terus Berminat	169
Jadual 4.5	Bagaimana Pentadbiran Sekolah Mengekalkan Hubungan Kolaborasi Dengan Komuniti	174
Jadual 4.6	Kolaborasi Komuniti Dalam Penambahbaikan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih	176

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.	Model Penglibatan Komuniti Diubahsuai Daripada Model Pelibatan Ibu Bapa, Hoover-Dempsey dan Sandler (1995, 1997)	20
2	Model Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti Dan Sektor Swasta Secara Meluas (PPPM, 2013-2025)	21
3	Kerangka Konseptual Kajian Kolaborasi Komuniti Dalam Penambahbaikan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur	23
4	Hubungan Antara Kolaborasi, Kerjasama dan Koordinasi.	44



## SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
OECD	<i>Organization For Economic Cooperation And Development</i>
PISA	<i>Programme For International Student Assessment</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
WHO	<i>World Health Organization</i>
PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
NGO	<i>Non-Government Organization</i>
GLC	<i>Government Like Company</i>
AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MAWIP	Majlis Agama Islam Wilaya Persekutuan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya





PIBK	Pelibatan Ibu Bapa Dan Komuniti
UM	Universiti Malaya
TESCO	TESCO Malaysia
JKKN	Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara
HEM	Hal Ehwal Murid
KSIB	Kelab Sokongan Ibu Bapa
PdPc	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
NGI	<i>Non-Government Individual</i>
NBOS	<i>National Blue Ocean Strategy</i>
COINS	<i>Community In School</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
TM	Telekom Malaysia
ICT	<i>Information And Communication Technology</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
YAKEB	Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA



## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A      Senarai Rakan Sinergi SBJK KPM
- Lampiran B      Instrumen Kajian dan Protokol Temubual
- Lampiran C      Surat Kelulusan Menjalankan Kajian



## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Sekolah merupakan institusi pengoperasian paling asas kepada sistem pendidikan di sesebuah negara. Rahimah Ahmad (2005) menggambarkan sekolah sebagai agen yang penting dalam pembinaan generasi masa depan. Kejayaan institusi ini dalam melahirkan generasi cerdik pandai adalah merupakan kesepaduan antara polisi pendidikan dengan komuniti dalam mendokong aspirasi pendidikan itu sendiri. Untuk mencapai hasrat tersebut, guru, pihak pengurusan sekolah dan komuniti harus melibatkan diri secara berterusan dalam mencari dan berkongsi pembelajaran serta mengamalkan ilmu tersebut agar murid memperolehi manfaat (Barth, 2006). Komitmen ini dengan jelas mengetengahkan peranan sesebuah sekolah bukan hanya





berada di dalam pagar sekolah sahaja, tetapi ia juga melibatkan komuniti yang berada di luar kawasan persekitaran. Kejayaan pengurusan sesebuah sekolah pula bukan hanya bergantung kepada kekuatan sumber manusia dan sumber bukan manusia tetapi turut melibatkan komuniti setempat. Kebergantungan ini sentiasa wujud kerana pengurusan sekolah dan komuniti setempat perlu berganding bahu serta saling bekerjasama untuk kebaikan kedua-dua belah pihak.

Kepentingan hubungan sekolah dan komuniti ini selaras dengan pendapat Poston, Stone, dan Muther (1992) yang menyatakan *you cannot build a great school alone. The school needs the community and the community needs the school*. Melalui hubungan yang dibina, sekolah memperoleh faedah berbentuk sokongan moral, bantuan kewangan dan sumbangan tenaga bakti daripada komuniti, manakala komuniti pula memperoleh faedah dari aspek peningkatan penguasaan ilmu melalui proses sosiolisasi. Proses sosiolisasi atau lebih mudah dinyatakan sebagai ialah proses pendidikan informal berperanan melengkapkan pihak sekolah dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman bagi membolehkan mereka berinteraksi dalam masyarakat atau komuniti. Berdasarkan pandangan Gonder (1981) kolaborasi yang lebih erat antara sekolah dan masyarakat akan menguntungkan semua pihak. Oleh itu, kebersamaan sekolah dengan komuniti penting untuk meningkatkan kejayaan proses pengajaran pembelajaran di sekolah. Hasil kebersamaan ini dapat dilihat apabila murid mengalami dan menerima jaminan komuniti agar mereka lebih berkecenderungan atau bermotivasi dari segi; akademik, bertindak secara beretika, altruistic, membentuk kecekapan sosial dan emosi.





Memandangkan terdapat faedah seumpama ini adalah hasil kewujudan konsep hubungan sekolah dan komuniti, maka pihak pengurusan sesebuah sekolah perlu memainkan peranan utama dalam memastikan konsep ini berjaya dilaksanakan. Peranan memupuk kejelekitan antara ahli organisasi pendidikan dan komuniti setempat adalah tanggungjawab penuh pihak pengurusan sekolah. Keadaan ini menjelaskan pengurusan sekolah merupakan satu aspek yang sangat penting ke arah perkembangan sekolah. Kepimpinan sekolah tidak akan dapat menggerakkan semua kakitangan ke arah mencapai matlamat institusi tanpa wujudnya satu bentuk pengurusan yang baik. Pengurusan sekolah yang cekap tidak membataskan perannya untuk memudahkan urusan pentadbiran atau penyediaan alat bantu mengajar tetapi pihak pengurusan juga berperanan memenuhi keperluan masyarakat ke arah membina masyarakat yang berpendidikan (Ahmad Kilani, 2003). Walau bagaimanapun, sehingga kini permuafakatan yang menyeluruh antara masyarakat dan sekolah amat kurang walaupun pelbagai tujuan permuafakatan telah digariskan di dalam Akta Pendidikan 1996.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan nadi utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara bangsa melalui pembangunan modal insan bertaraf dunia. Prasyarat ini meletakkan sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu yang seharusnya mampu memberi ruang kepada setiap murid untuk mencapai potensi diri ke tahap yang paling optimum. Pencapaian sekolah secara keseluruhannya terletak kepada pentadbiran sekolah dalam mengurus tadbir dengan cekap dan efisien. Keberkesanan





sekolah pula boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif; pengwujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran dan pembelajaran; hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru, guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa. Penilaian tentang usaha untuk menjalinkan hubungan di antara sekolah dengan pihak luar dilaksanakan berdasarkan bukti yang konkrit seperti data, laporan dan maklumbalas daripada pelbagai pihak. Proses penilaian bukan semata-mata proses refleksi sendiri tetapi berdasarkan model penilaian program yang mantap, yang menjadi kebiasaan kepada semua pengurus program.

Matlamat pelan pelibatan ibu bapa dan komuniti (PIBK) adalah untuk menggalakkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bersama-sama komuniti meluaskan fokus mereka; daripada mengutip derma kepada membangunkan program pembelajaran yang diterajui entiti ini. Bagi membantu pihak sekolah membangunkan pelan tersendiri berhubung pelibatan ibu bapa dan komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan instrumen kaji selidik bagi mentaksir tahap pelibatan komuniti. Fungsi instrumen yang dibina adalah untuk membantu menyediakan langkah pelibatan yang jelas termasuk menyediakan bidang keutamaan yang perlu diambil tindakan (KPM, 2012). Kerjasama antara pihak sekolah dengan komuniti adalah penting dalam menjayakan program dan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Konsep kolaborasi antara pihak sekolah dengan komuniti dapat membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti di sekolah khususnya bilik darjah.





Di Malaysia, kira-kira satu perempat daripada masa murid yang berumur antara tujuh hingga 17 tahun dihabiskan di sekolah (KPM, 2012, E-34). Faktor ini telah mendorong Kementerian Pendidikan Malaysia beriltizam untuk melaksanakan kajian semula sistem pendidikan dalam konteks standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat. Kajian semula ini adalah selari dengan peningkatan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21 dan peningkatan harapan ibu bapa serta masyarakat terhadap Dasar Pendidikan Negara. Berikutan perkara tersebut, telah digariskan 11 anjakan utama yang perlu dipenuhi dan salah satu anjakan yang menjadi sumber kajian ini adalah anjakan kesembilan iaitu bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti, dan sektor swasta secara meluas. Dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM 2013-2025) menyatakan dengan jelas dapatan kajian *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* tentang *Programme for International Student Assessment (PISA)* yang menunjukkan bahawa sesetengah aktiviti antara ibu bapa dengan anak, seperti membaca pada setiap hari atau membincangkan kegiatan harian, dapat meningkatkan keberhasilan murid secara signifikan tanpa mengambil kira latar belakang sosioekonomi.

Deslandes (2006), Dawn, Hal, Jerry, Paul, Boone, Kwiatkowski (2008), Bryan, Julia, Henry, Lynette (2012), Catapano (2013), Armstrong (2015), Kim (2017) membuktikan bahawa sekolah yang melibatkan sektor perniagaan, organisasi awam atau institusi pengajian tinggi dalam pemeraksanaan sekolah mendapat manfaat yang baik seperti gred peperiksaan lebih tinggi dan ketidakhadiran murid yang rendah. Dalam konteks pendidikan secara menyeluruh Malaysia adalah di antara salah sebuah negara yang menandatangani *United Nations Convention on the Right of the*





*Child* di mana di bawah konvensyen tersebut negara berkewajipan untuk memastikan kanak-kanak mempunyai akses kepada pendidikan termasuk mereka yang dikesan tidak bersekolah kerana tidak mempunyai sijil lahir. Walau bagaimanapun sehingga tahun 2012 masih terdapat kes kanak-kanak membesar tanpa dokumen pengenalan diri dan tanpa status kewarganegaraan tidak berpeluang mendapat pendidikan yang sempurna (KPM, 2012).

Kajian ini dilaksanakan bertujuan merangka pelan penambahbaikan sekolah bagi meningkatkan kualiti pendidikan agar lebih ramai kanak-kanak gelandangan mendapat pendidikan yang sempurna melalui perancangan yang teliti. Perancangan teliti bermakna mengambil kira faktor masalah dan menangani isu kemajuan pelajar menggunakan strategi pelibatan ibu bapa, komuniti, khidmat profesional atau bantuan teknikal yang mengandungi matlamat yang boleh diukur. Amalan ini adalah untuk memastikan semua pelajar berkemampuan mencapai tahap potensi sebenar mereka. Berdasarkan penyertaan komuniti dalam membuat keputusan atau perancangan, peranan mereka adalah dalam melihat amalan sedia ada dan memperbaharui amalan tersebut, maka kepelbagaian idea baharu dapat dijana dan dikongsi yang matlamat akhir menjurus kepada kecemerlangan sekolah.

Winer dan Ray (1994) menyatakan terdapat beberapa model hubungan kerjasama yang menyepadukan langkah-langkah untuk memulakan kolaborasi sekolah-masyarakat ke dalam satu siri aktiviti-aktiviti latihan khusus. Usaha ini tidaklah memenuhi semua kehendak kolaborasi tetapi dalam setiap langkah walaupun terdapat perbezaan antara pelbagai model, matlamat akhir adalah amat serupa. Kefahaman terhadap langkah-langkah ini membolehkan komuniti menyesuaikan





pendekatan yang tersendiri untuk menangani keperluan pelajar-pelajar berisiko di sekolah. Melalui kolaborasi, penambahbaikan sekolah adalah berfokuskan kepada usaha untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar dan elemen peranan kepimpinan dikongsi bersama dalam kalangan kakitangan yang dianggap penyumbang utama kepada usaha-usaha tersebut. Bagi memenuhi tujuan kajian ini, Winer dan Ray (1994) telah menggariskan empat langkah yang perlu dipatuhi bagi membangunkan dan mengekalkan kolaborasi iaitu meramalkan keputusan, memperkasakan usaha, memastikan kejayaan dan berterusan.

### 1.2.1 Meramalkan Keputusan

Meramalkan keputusan dilaksanakan melalui kerjasama antara individu dengan individu bagi perkara berhubung perkongsian pengetahuan; mendedahkan kepentingan diri; meningkatkan kepercayaan di antara para peserta; memastikan bahawa semua keperluan pihak berkepentingan dipenuhi; dan setiap penyertaan adalah wajar dengan menghasilkan keputusan boleh dijangka. Pernyataan visi dikongsi dan dibangunkan untuk menentukan hala tuju berdasarkan ramalan keputusan serta dinyatakan dalam bentuk matlamat atau objektif yang boleh dicapai.





### 1.2.2 Memperkasakan Usaha

Memperkasakan usaha adalah melalui perkara-perkara yang melibatkan penetapan punca kuasa; peranan setiap individu dan organisasi diperjelaskan; komitmen yang dipersetujui; dan yang utama setiap agensi tahu akan bentuk sumbangan yang diharapkan. Bagi menangani konflik yang dijangka, proses penyelesaiannya adalah melibatkan penjelasan terperinci isu-isu, memberi tumpuan kepada matlamat dan meneroka alternatif yang ada. Usaha ini dibentuk melalui satu bentuk struktur perjawatan beserta dengan tanggungjawab bagi menjamin kepentingan sumber-sumber yang ada. Kemudian struktur ini akan mewujudkan garis panduan sebagai protokol dalam membuat keputusan dan pelan komunikasi yang akhirnya membuahkan ganjaran kepada setiap ahli yang menyokong usaha kolaborasi tersebut.



### 1.2.3 Memastikan Kejayaan

Kejayaan dipastikan dengan mewujudkan satu pelan tindakan yang direka berdasarkan visi dan matlamat; pembentukan tingkah laku kolaborasi semasa bekerja; dan penentuan akauntabiliti bagi semua aktiviti. Dalam sesuatu keadaan, agensi-agensi yang berkolaborasi menggubal dasar atau polisi mengikut keperluan dan melaksanakan perubahan kepada prosedur atau protokol bagi memastikan kebergantungan serta sokongan antara agensi-agensi kekal bersama. Pelbagai kaedah penilaian digunakan untuk menilai dan memperbaiki usaha demi memastikan kejayaan. Melalui usaha ini juga kolaborasi kekal bersifat fleksibel dan dapat disesuaikan walaupun dalam keadaan yang berubah-ubah.





#### 1.2.4 Berterusan

Kolaborasi yang diwujudkan boleh dikongsi oleh semua melalui penerbitan dan promosi terutama yang melibatkan pihak media. Melalui promosi sebegini penyertaan untuk berkolaborasi adalah lebih meluas dan amat dihasratkan dari masyarakat keseluruhannya, termasuk organisasi belia, kumpulan perniagaan mahupun daripada akar umbi masyarakat. Dari semasa ke semasa, penilaian semula misi dan visi melibatkan kepimpinan baharu serta mendapatkan pelbagai dana dalam usaha mengekalkan persefahaman bagi menjamin proses kolaborasi yang berterusan. Untuk membantu pelajar mencapai kejayaan dalam pendidikan, permasalahan yang dialami seperti masalah keluarga; sosial; prestasi akademik rendah; dan kepelbagaian keperluan perlu ditangani daripada pelbagai sudut.



Sekolah semata-mata tidak boleh melakukan kesemua perkara tersebut tetapi berkemampuan berfungsi seumpama sebuah jambatan. Sekolah berupaya menghubungkan komuniti dengan institusi pendidikan negara. Sebuah sekolah yang berusaha untuk melaksanakan pelan penambahbaikan tanpa mewujudkan hubungan kerja yang kukuh dengan ibu bapa, agensi-agensi, komuniti dan pertubuhan-pertubuhan lebih berisiko untuk tidak berjaya. Pembuktian kolaborasi berterusan adalah kesan kepada perubahan budaya pelajar bukan sekadar di sekolah tetapi hingga mereka melangkah keluar dari alam persekolahan. Kolaborasi berterusan menjamin pelajar dapat kembali berfungsi sebagai ahli dalam komuniti dan menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang sihat dan bebas daripada gejala negatif.





### 1.3 Pernyataan Masalah

*United Nation* (2011) menganggarkan 125,000 ribu kanak-kanak Malaysia tidak bersekolah dan tidak mempunyai akses kepada pendidikan rendah. Angka ini tidak termasuk kanak-kanak pelarian, kanak-kanak tanpa dokumen atau status kewarganegaraan. Perkara tersebut berlanjutan dan dianggarkan seramai 17,000 orang daripada angka tersebut tidak menyambung pendidikan ke tahap sekolah menengah pada setiap tahun. Dalam laporan tersebut juga dinyatakan 8-10 peratus daripada murid-murid Tahun 6 (dianggarkan 44,000 hingga 55,000 orang murid) tidak meneruskan pendidikan menengah di sekolah-sekolah KPM sepanjang tempoh penyelidikan bermula dari tahun 2005 hingga 2009. Manakala kadar keciciran dilaporkan pada tahap 16.7% di sekolah luar bandar berbanding 10.1 peratus bagi sekolah bandar. Bagi negeri-negeri yang kurang membangun, KPM-UNESCO menjelaskan 85% daripada pelajar-pelajar yang tercicir adalah daripada keluarga miskin dan daripada kajian berkaitan yang dijalankan menunjukkan faktor keciciran juga dipengaruhi oleh pencapaian akademik yang rendah, kurang minat untuk belajar serta terlibat dengan masalah disiplin. Walau bagaimanapun, pelajar yang berlatarbelakangkan keluarga miskin adalah berisiko tinggi untuk berhenti daripada alam persekolahan.

Malaysia berhasrat memastikan kadar akses sejagat dalam kanak-kanak di peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas (Tingkatan 5) menjelang 2020 (PPPM 2013-2025 –E-10) kerana setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan pendidikan. Salah satu daripada lima aspirasi bagi sistem pendidikan Malaysia adalah 100% enrolmen merentas semua peringkat





pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang 2020 (PPPM 2013-2025 – 2-2). Berdasarkan laporan *United Nation* (2016) melaporkan bilangan kanak-kanak tidak memasuki Tahun 1 menurun kepada 10,293 orang pada tahun 2013 daripada 26,222 orang pada tahun 2012. Penurunan ini menunjukkan semakin ramai murid bersekolah dan akses kepada pendidikan telah semakin bertambah baik. Kadar keciciran yang dilaporkan adalah peratusan pelajar yang tidak menamatkan pengajian pada tahap tertentu kerana kemungkinan faktor pelbagai seperti kemiskinan, kes-kes disiplin, kekurangan minat terhadap pelajaran dan perkahwinan bawah umur atau remaja mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Keciciran daripada proses pendidikan adalah satu perkara yang membimbangkan kerana kanak-kanak ini meninggalkan sekolah tanpa kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membina masa depan yang cerah. Mereka berisiko untuk terlibat dalam tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan dadah atau aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, terdedah kepada pelbagai keadaan dan akhirnya menjadi gelandangan.

Kadar tamat persekolahan untuk satu kohort Tahun 1 pada tahun 2000 hingga tamat Tingkatan 5 pada tahun 2010 menunjukkan 36% daripada kohort ini tidak lagi mendaftar di sekolah atau gagal mencapai standard minimum dalam peperiksaan (PPPM 2013-2025 – 3-14). Keadaan ini menunjukkan sepertiga daripada setiap kohort tidak mencapai tahap penguasaan minimum yang diharapkan bagi semua murid. Pernyataan Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam Utusan Malaysia jelas menunjukkan kelompok gelandangan di Kuala Lumpur semakin bertambah dan isu gelandangan boleh menjejaskan imej ibu kota (Phesal, 2012). Pernyataan ini disokong dengan bancian oleh pihak DBKL yang mendapati kira-kira 1,500 hingga 2,000 gelandangan di Kuala Lumpur setiap hari. Siaran akhbar turut mencatatkan kanak-





kanak menjadi gelandangan akibat daripada masalah yang dihadapi oleh ibu bapa mereka. Ada di antara kanak-kanak ditinggalkan begitu sahaja dan bergantung kepada keluarga lain yang senasib dengan mereka (Utusan Malaysia, 2015). Kenyataan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 4 April 2016 juga menegaskan bilangan gelandangan semakin bertambah yang memberi gambaran secara jelas keperitan dan kesempitan hidup semakin hari semakin menghimpit. Menurut tinjauan oleh Bahaudin (2017) melaporkan jumlah gelandangan muda di ibu negara dikesan terus bertambah berbanding beberapa tahun yang lalu. Menurut pemerhatian mereka terdapat lebih daripada 20 orang gelandangan termasuk kanak-kanak tidur bergelimpangan di kaki lima bangunan dengan kebanyakannya beralaskan kepingan kotak kadbod dan gebar lusuh (Bahaudin, 2017).



keluar kepada anak-anak gelandangan melalui pembukaan rasmi Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur. Pembukaan sekolah ini adalah bagi tujuan menangani masalah kesukaran mendapat akses pendidikan oleh golongan tersebut serta memberikan sinar baru kepada masa depan generasi seterusnya. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah sekolah, institusi ini tidak dapat menubuhkan PIBG sepertimana sekolah lain. Hal ini berlaku disebabkan pelbagai masalah yang timbul walhal untuk membawa anak-anak ke sekolah adalah sukar, inikan pula ingin membawa ibu bapa murid tersebut ke sekolah. Oleh yang demikian, sekolah ini bergantung sepenuhnya kepada KPM dan komuniti setempat dalam menentukan hala tuju pencapaian pendidikan.





Pada 3 Jun 2014, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat mengeluarkan kenyataan bahawa isu gelandangan telah menjadi isu sosial di negara dan telah menjadi isu bersama dengan semua pihak baik agensi kerajaan, agensi swasta, NGO, masyarakat mahupun orang awam. Kemudian pada 4 Julai 2015, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengeluarkan kenyataan dalam Utusan Malaysia mengenai kebimbangan terhadap individu yang berisiko menjadi gelandangan. Ini adalah kerana apabila mereka menjadi gelandangan, perkara yang paling dikhuatiri adalah mereka mudah terdedah kepada risiko jenayah dan terjebak dengan masalah sosial (Dahlan, 2015). Bagi mengurangkan risiko tersebut, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha secara berterusan untuk mengatasi masalah orang gelandangan yang banyak berlaku di bandar-bandar utama di negara ini seperti latihan pemulihan, perlindungan dan latihan kerjaya dalam bidang vokasional, pertanian dan kraftangan. Perkara lain yang turut dititikberatkan adalah pendidikan kerohanian, rekreasi, rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan. *Cambridgeshire Local Authority's* (2014-2016) mengiktiraf bahawa kesihatan fizikal dan mental mempengaruhi semua aspek perkembangan kanak-kanak. Ini mengesahkan bahawa kesihatan yang baik, kesejahteraan dan persekitaran pembelajaran yang selamat menyumbang dengan ketara kepada pencapaian pendidikan para kanak-kanak dan remaja.

Kehidupan sebagai gelandangan menyebabkan anak-anak turut terheret ke dalam masalah sosial keluarga sehingga ke peringkat asas kehidupan. Kelahiran yang tidak dilaporkan, anak yang lahir tidak sah taraf perkahwinan, bayi yang ditinggalkan adalah merupakan faktor utama kepada masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri. Dalam memenuhi Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan Wajib





menyebabkan berlaku konflik kepada penjaga untuk menghantar anak ke sekolah kerana tersepit dengan pelbagai masalah kekeluargaan. Kebanyakannya mereka mahukan pendidikan untuk anak-anak tetapi faktor ketiadaan dokumen, kesempitan kewangan dan pelbagai masalah lain menyebabkan penjaga mengambil jalan untuk tidak menghantar anak ke sekolah. Walaupun mereka tahu dalam peruntukan Akta 1996 menyatakan kegagalan penjaga memastikan anak di bawah jagaan mengikuti pendidikan wajib adalah satu kesalahan dari segi undang-undang dan boleh dikenakan tindakan (denda tidak melebihi RM 6000 atau penjara tidak melebihi enam bulan) tetapi mereka tetap mengambil risiko untuk tidak menghantar anak ke sekolah.

Memahami dilema antara penjaga anak-anak gelandangan dengan Akta Pendidikan 1996 merupakan pernyataan kepada permasalahan kerana penyelesaiannya memerlukan tindakan yang boleh menjaga kepentingan kedua-dua pihak. Kementerian Pendidikan memperuntukan dana bagi mengelakkan murid tercicir dari persekolahan dan keyakinan kerajaan bahawa pendidikan akan membawa perubahan terbesar kepada kehidupan rakyat, pembangunan serta kemakmuran negara. Perkara ini adalah selari dengan aspirasi *Sustainable Development Goals* (SDG) Keempat mengenai penetapan sasaran enrolmen universal pada tahun 2030 dan Malaysia telah menerajui inisiatif utama bagi 12<sup>th</sup> *Society for Microbial Ecology and Diseases* (SOMED) melalui pelaksanaan aktiviti di bawah *inisiatif Out of School Children/ Youth*. Walaupun pelbagai usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan, masih terdapat kanak-kanak yang tidak bersekolah disebabkan permasalahan di luar lingkungan penyelesaian oleh Kementerian Pendidikan sahaja.





Berdasarkan permasalahan yang telah dikumpulkan, perkara yang paling asas dapat membantu kanak-kanak gelandangan adalah melalui pendidikan dan sekolah merupakan jawapan kepada permasalahan ini. Pengoperasian sekolah yang menghimpunkan pelajar berlatarbelakangkan pelbagai masalah (tiada dokumen pengenalan diri, keciciran, masalah keluarga, masalah sosial) memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak telah membawa pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Mencari jalan penyelesaian kepada konflik yang dinyatakan berkemungkinan akan menimbulkan pelbagai isu sensitif seperti pendedahan kepada keperibadian kanak-kanak gelandangan atau kelemahan kepada sistem pendidikan dalam menangani isu berkaitan perkara yang telah dibincangkan.



Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka sejauh mana amalan kolaborasi dan perkongsian pendapat berkaitan isu-isu pendidikan di sekolah dapat membantu anak-anak gelandangan untuk bersekolah seperti kanak-kanak lain. Walau bagaimanapun, matlamatnya bukanlah untuk sekolah melaksanakan semua idea yang dijana tetapi sebagai perancangan bagi membentuk dan menentukan hala tuju pencapaian sekolah. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk memahami dan meneroka sejauhmana atau *to what extend* kolaborasi dapat membantu penambahbaikan sekolah seperti yang telah dinyatakan dalam pernyataan masalah. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah seperti berikut;



- a. Meneroka bentuk kolaborasi di peringkat kepimpinan sekolah dalam menggalakkan kecekapan dan keberkesanan ke arah penambahbaikan sekolah.
- b. Meneroka struktur kolaborasi sekolah dengan kumpulan komuniti dalam memulakan hubungan kejelekitan yang kukuh.
- c. Sejauh mana kolaborasi berkesan dengan komuniti membawa perubahan pendidikan dalam membantu pelajar terus berminat terhadap pendidikan dan menyediakan peluang kepada pelajar untuk menikmati kehidupan yang lebih berjaya.
- d. Sejauh mana pembinaan hubungan bagi memastikan kesan kolaborasi kekal dan berterusan.

## 1.5 Soalan Kajian

Persoalan kajian adalah ramalan secara formal berkaitan dengan objektif kajian yang menjurus kepada pencapaian objektif. Penulisannya mengaitkan beberapa perkara dan mampu diterjemah dalam soal selidik serta pernyataannya boleh diuji kebenaran sebagai cadangan penyelesaian kepada masalah kajian. Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, soalan kajian adalah untuk memberi jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- a. Apakah bentuk kolaborasi pengurusan sekolah dalam menggalakkan kecekapan dan keberkesanan kepimpinan ke arah penambahbaikan sekolah?



- b. Bagaimanakah struktur kolaborasi sekolah dengan komuniti dalam memulakan hubungan kejelekitan yang kukuh?
- c. Sejauhmanakah hubungan kolaborasi sekolah dengan komuniti dalam membantu pelajar terus berminat terhadap pendidikan dan pembelajaran menyediakan peluang kepada pelajar untuk menikmati kehidupan yang lebih berjaya?
- d. Sejauhmanakah pentadbiran sekolah mengekalkan hubungan kolaborasi dengan komuniti agar kesan hubungan itu kekal dan berterusan?

## 1.6 Kerangka Teori Kajian



Kerangka teoretikal kajian merupakan gambaran kepada keseluruhan kajian di mana kerangka ini akan menjadi model konseptual bagi menjelaskan hubungan di antara pelbagai faktor yang telah dikenalpasti sebagai sesuatu perkara penting dalam penyelesaiannya. Bagi membina kerangka teoretikal untuk tujuan kajian, Model Penglibatan Ibu Bapa Hoover-Dempsey dan Sandler (1995, 1997) telah dirujuk sebagai model yang menjadi panduan kepada keseluruhan kajian. Berpandukan model tersebut, tiga faktor kritikal yang telah dikenalpasti dalam menentukan pelibatan komuniti adalah seperti berikut:

- a. Pembinaan peranan komuniti iaitu kepercayaan tentang keperluan pelibatan dalam pendidikan.
- b. Efikasi sendiri komuniti - mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran.
- c. Sikap terbuka sekolah terhadap pihak komuniti.





Dari perspektif psikologi, model ini menerangkan mengapa komuniti melibatkan diri dalam pendidikan dan bagaimana pelibatan mereka boleh mempengaruhi pencapaian murid sekolah. Model ini terdiri dari beberapa aras dan memberi penekanan kepada aspek psikologi dan konteks pelibatan komuniti itu sendiri. Merujuk kepada model ini, jika aras paling tinggi adalah bagi pencapaian murid, maka aras paling bawah adalah bermula daripada pelibatan komuniti sendiri. Model ini menerangkan keputusan yang diambil untuk berkongsi peranan oleh komuniti dipengaruhi oleh bagaimana mereka membina identiti mereka sebagai suri teladan atau efikasi sendiri yang wujud dalam diri mereka sebagai komuniti.

Pembinaan peranan dipengaruhi oleh jangkauan komuniti dan persekitaran mereka seperti ahli keluarga, rakan dan individu di sekolah. Di sekolah, pelibatan sebenar komuniti boleh berlaku apabila mereka bertindak berdasarkan kepercayaan bahawa aktiviti pendidikan merupakan salah satu aspek tanggungjawab mereka dalam meningkatkan pencapaian murid yang masih berada di bangku sekolah. Perbezaan dalam tahap pelibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak di rumah berbanding di sekolah amat dipengaruhi oleh status sosio-ekonomi keluarga, perbezaan latar belakang etnik atau budaya antara ibu bapa dan guru.

Sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan tahap atau jenis pelibatan ibu bapa dan faktor kritikal yang dikenalpasti adalah termasuk kepercayaan guru tentang peranan ibu bapa dalam bilik darjah. Menyokong pelibatan ibu bapa memerlukan persefahaman daripada guru-guru tentang bagaimana memberi ruang untuk pelibatan ibu bapa, persetujuan kepimpinan dan sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah. Keseluruhan model memperlihatkan lima paras pelibatan ibu



bapa dalam melibatkan diri untuk membentuk pendidikan anak-anak mereka iaitu (1) keputusan pelibatan komuniti, (2) bentuk dan pengaruh pemilihan pelibatan komuniti, (3) mekanisme di mana pelibatan komuniti mempengaruhi hasil/ murid-murid, (4) hasil kanak-kanak/ murid-murid dari sudut pelibatan dan amalan bersesuaian, dan (5) hasil kanak-kanak yang menurus kepada pencapaian efikasi baik di sekolah. Proses pelibatan dalam model ini memperlihatkan pengaruh ketara komuniti terhadap pencapaian pendidikan, pengetahuan anak-anak, kemahiran dan keupayaan peribadi kanak-kanak untuk merasa lebih berjaya di sekolah.

**Paras 5 : Hasil Kanak-kanak/ Murid-murid**

Kemahiran dan Pengetahuan	Efikasi Pencapaian Baik di Sekolah
---------------------------	------------------------------------

**Paras 4 : Hasil Kanak-kanak/ Murid-murid**

Pelibatan Strategi/ Amalan Pelibatan Bersesuaian oleh Komuniti	Kesesuaian antara Tindakan Pelibatan Komuniti dan Jangkaan Sekolah
---	---

**Paras 3 : Mekanisme di mana Pelibatan Komuniti Mempengaruhi Hasil Kanak-kanak/ Murid-murid**

Pembinaan Model	Pengukuhan	Instruksi	
		Tertutup	Terbuka

**Paras 2 : Bentuk Pemilihan Pelibatan Komuniti di Pengaruhi oleh**

Domain Spesifik Kemahiran Komuniti dan Pengetahuan	Gabungan Tuntutan Terhadap Masa dan Tenaga daripada:		Pelawaan dan Tuntutan Spesifik untuk Pelibatan dari:	
	Lain-lain Tuntutan Keluarga	Tuntutan Pekerjaan	Kanak-kanak	Sekolah/ Guru


**Paras 1 : Keputusan Pelibatan Komuniti**

(Keputusan Positif Komuniti untuk Terlibat) Dipengaruhi oleh:

Pengolahan Komuniti mengenai Peranan Komuniti	Efikasi Komuniti dalam Membantu Kejayaan Murid di Sekolah	Peluang dan Tuntutan Umum untuk Pelibatan Komuniti Dipamerkan oleh:	
		Komuniti	Kanak-kanak Sekolah

*Rajah 1.1. Model Pelibatan Komuniti. Sumber: Modifikasi daripada Hoover-Dempsey, K.V., dan Sandler, H.M. (1997)*

Kerangka teori kajian merupakan pemetaan keseluruhan kajian yang boleh menterjemahkan kajian itu sendiri dalam satu rajah. Tujuan pembinaan kerangka ini bukan sahaja untuk memudahkan pembaca tetapi sebagai panduan kepada pengkaji dalam menentukan hala tuju perkembangan kajian. Dalam membina kerangka teori kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada model pelibatan ibu bapa seperti mana yang terkandung dalam PPPM 2013-2025.



Rajah 1.2. Model Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti Dan Sektor Swasta Secara Meluas.  
Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, (2012)



Dalam usaha untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara (KPM, 2012) mencerakinkan sebelas anjakan utama yang perlu dilakukan bagi memastikan perubahan dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Sebahagian daripada anjakan merupakan perubahan pelaksanaan dasar sedia ada, perubahan strategi dan penambahbaikan bagi meningkatkan lima impak keberhasilan sistem iaitu (1) akses, (2) kualiti, (3) ekuiti, (4) perpaduan dan (5) kecekapan. Kualiti menjadi fokus utama merentasi semua anjakan dan dalam konteks kajian ini, anjakan sembilan iaitu bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Sekolah merupakan institusi yang menggabungkan kesemua elemen seperti guru, komuniti, PIBG, Kelab Sokongan Ibu Bapa (KSIB), pihak swasta termasuk individu yang berkepentingan berkumpul untuk satu matlamat yang sama.




dipermudahkan seperti dalam Rajah 2 bagi menjelaskan bahawa pembelajaran berasaskan sekolah (sekolah sebagai sumber ilmu) kepada sistem pembelajaran (sekolah dan komuniti sebagai sumber ilmu kepada pelajar) dengan menambah elemen komuniti (agensi awam dan sektor swasta) sebagai perubahan paradigma untuk membantu proses pembentukan ilmu kepada pelajar. Keperluan menambah elemen ini adalah atas kesedaran bahawa proses pembelajaran bukan terbatas di sekolah sahaja tetapi turut berlaku di luar waktu persekolahan semasa mereka bersama keluarga, rakan-rakan dan komuniti umumnya. Melalui usaha ini, sekolah berupaya berfungsi sebagai institusi pendidikan yang mantap hasil rangkaian kolaborasi komuniti dan sektor swasta dalam mewujudkan ekosistem pembelajaran yang memperkukuhkan pengajaran ilmu, penerapan kemahiran dan pemupukan nilai kepada murid.



## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berpandukan model Pelibatan Ibu Bapa Hoover-Dempsey dan Sandler (1995, 1997) dan model Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta (PPPM, 2013-2025), berikut merupakan kerangka konseptual bagi kajian ini.



*Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian Kolaborasi Komuniti Dalam Penambahbaikan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur. Sumber: Model Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti Dan Sektor Swasta Secara Meluas. Sumber: The Center on School Turnaround. (2017).*

Berdasarkan kepada kerangka konseptual ini, komuniti dirujuk sebagai sumber utama bagi melaksanakan penambahbaikan sekolah ke arah membudayakan empat domain yang telah dikenalpasti iaitu (1) kepimpinan sekolah, (2) transformasi instruksional, (3) pengembangan bakat dan (4) perubahan budaya. Kerangka ini juga cuba menerangkan bahawa melalui kolaborasi antara komuniti dan sekolah, dilihat sebagai jalan terbaik dalam mempertingkatkan tahap penambahbaikan sekolah terhadap empat domain tersebut. Domain pertama iaitu kepimpinan sekolah mengutamakan penambahbaikan dan kesegeraan dalam komunikasi.

Perkara ini termasuklah pemantauan matlamat jangka pendek dan jangka panjang agar sentiasa selari atau diselaraskan mengikut kumpulan sasar bagi memastikan mereka memenuhi potensi mereka. Dalam domain transformasi instruksional, analisa dan tindak balas kepada keperluan pembelajaran murid adalah utama melalui penyediaan arahan kukuh berdasarkan bukti dan menyingkirkan halangan bagi memastikan peluang-peluang dapat diwujudkan. Tunjang domain ketiga iaitu pengembangan bakat adalah perkara seperti latihan, pembangunan, penambahbaikan, mengekalkan dan memastikan kesinambungan bakat berterusan. Perkara ini dapat dipenuhi melalui pembinaan peluang bersama komuniti pembelajaran profesional dan penetapan prestasi yang jelas, dalam jangkaan serta boleh dicapai.

Domain keempat iaitu perubahan budaya adalah proses membina budaya berfokuskan hasil dan usaha pelajar agar sentiasa terarah kepada penambahbaikan diri. Keadaan ini dapat dipenuhi melalui tindakan dan input daripada pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam menetapkan tahap kualiti kepada pendidikan. Usaha ini sememangnya melibatkan kesungguhan semua pelajar dan keluarga, terutamanya dalam mengejar matlamat pendidikan sebagai kualiti dalam norma kehidupan sosial.



## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur yang merupakan sebuah sekolah bagi kanak-kanak gelandangan di Kuala Lumpur. Oleh kerana sekolah tersebut adalah satu-satunya sekolah yang dikhaskan untuk kanak-kanak gelandangan dan kajian seumpamanya adalah amat terhad, maka terdapat pelbagai limitasi yang perlu difikirkan secara mendalam bagi menentukan kejayaan kajian ini. Kekurangan sumber rujukan yang menjurus kepada pelibatan komuniti secara proaktif terhadap pencapaian sekolah juga merupakan salah satu limitasi kepada kajian ini. Oleh yang demikian juga, rujukan bagi kajian ini adalah lebih kepada pelibatan komuniti khususnya ibu bapa dan kajian-kajian yang dilakukan di negara luar. Bagi penggunaan soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian, dapatan adalah bergantung kepada persepsi, keikhlasan, kesediaan serta keupayaan responden menggunakan pengetahuan serta pengalaman mereka bagi memahami soalan-soalan. Jawapan yang diberikan berkemungkinan akan dipengaruhi oleh unsur dalaman seperti pemikiran, keperluan dan tujuan-tujuan tertentu serta unsur luaran seperti persekitaran. Oleh yang demikian, dapatan kajian merupakan pandangan atau persepsi responden terhadap kebersediaan dan kesanggupan mereka dalam meluangkan masa sekiranya berminat untuk mengambil bahagian dalam kajian ini secara sukarela.





Hubungan kolaborasi tidak mudah untuk dibina atau dikekalkan. Halangan atau rintangan boleh dijangka dan jangkaan awal terhadap rintangan tersebut boleh membantu membina hubungan kolaborasi untuk berjaya. Limitasi ini menerangkan bahawa hanya melalui pengetahuan menyeluruh, halangan-halangan yang bakal dihadapi dan sejauhmana ketepatan menjangka halangan akan menjamin kejayaan. Komuniti setempat amat mengambil berat terhadap perbezaan matlamat, jangkaan dan pengiktirafan tetapi kekurangan latihan juga boleh mempengaruhi proses kolaborasi. Di samping itu juga terdapat golongan komuniti yang amat bimbang tentang pertambahan aktiviti dalam jadual seharian mereka yang sememangnya sibuk, tradisi yang berbeza tentang bagaimana perkara-perkara yang dilakukan dan kurangnya kebersediaan sebagai rakan kongsi dalam kalangan mereka. Secara kolektif sebahagian limitasi yang dikenalpasti antara pihak sekolah dan komuniti kebiasaannya lebih menjurus kepada perbezaan dalam falsafah, budaya organisasi dan amalan-amalan operasi.

Secara ringkasnya, terdapat lima limitasi kajian yang telah dikenalpasti iaitu;

- (1) SBJK adalah satu-satunya sekolah dibuka bagi membantu kanak-kanak gelandangan, yatim piatu, miskin tegar dan mangsa kepada gejala sosial mendapatkan peluang pendidikan;
- (2) persepsi, keikhlasan, kesediaan dan keupayaan responden menggunakan pengetahuan serta pengalaman mereka bagi memahami soalan-soalan;
- (3) kebersediaan dan kesanggupan responden dalam meluangkan masa sekiranya berminat untuk mengambil bahagian dalam kajian ini secara sukarela;
- (4) faktor kebimbangan komuniti tentang pertambahan aktiviti dalam jadual seharian sekiranya terlibat dalam kajian; dan
- (5) rujukan berhubung kolaborasi komuniti dan sekolah adalah amat terhad dan kajian ini amat bergantung kepada sumber dari luar negara.





Adalah tidak mengejutkan bahawa semua halangan yang dikenal pasti sebenarnya dapat diatasi jika semua ahli dalam komuniti memainkan peranan yang sewajarnya. Adalah diharapkan agar semua halangan dan limitasi ini dapat diatasi melalui hubungan kolaborasi yang baik agar satu bentuk struktur kerjasama baharu dicipta bagi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi secara spesifik.

## 1.9 Definisi Operasional

Bahagian ini akan memberikan definisi secara operasional kepada beberapa pemboleh ubah utama dalam kajian ini. Definisi yang diberikan dalam kajian ini mungkin berbeza dengan definisi yang diberikan dalam kajian yang lain kerana penggunaannya adalah bertujuan khusus bagi penyatuan kerjasama antara pihak pentadbiran sekolah dan komuniti.

### 1.9.1 Kolaborasi

Kolaborasi merupakan salah satu bentuk interaksi sosial atau suatu bentuk proses sosial, yang mana terkandung didalamnya agenda tertentu, direka untuk mencapai tujuan bersama dengan saling membantu serta saling memahami peranan masing-masing. Winer dan Ray (1994) menyatakan kolaborasi sebagai hubungan yang saling bermanfaat dan jelas dimeterai oleh dua atau lebih organisasi untuk mencapai keputusan yang mereka akan lebih cenderung untuk dicapai bersama-sama. March dan Oslen (1989) melihat kolaborasi sebagai satu proses yang integratif yang melayan





perbezaan sebagai asas untuk perbincangan untuk tiba di persefahaman, akan secara kolektif, amanah dan simpati dan pelaksanaan berkongsi keutamaan.

Gray (1989) meneroka kolaborasi sebagai proses di mana dua pihak melihat aspek yang berbeza bagi masalah yang diteliti, memahami perbezaan dan mencari penyelesaian; yang melangkaui pemikiran dan penglihatan mereka sendiri tentang apa yang boleh dicapai. Kolaborasi sebagai proses interaktif yang membolehkan manusia dengan pelbagai kemahiran untuk menjana penyelesaian kreatif kepada masalah yang saling dihadapi. Kolaborasi dari sudut umum adalah perjanjian kerjasama antara dua pihak sama ada mempunyai sejarah perhubungan sebelum ini berganding bahu dalam mencapai tujuan yang sama. Kajian ini menerima kolaborasi sebagai hasil persetujuan matlamat, interaksi antara pihak terlibat dan persefahaman yang diwujudkan bagi menjurus kepada pencapaian matlamat yang sama (Gray, 1989).

## 1.9.2 Komuniti

Takrifan komuniti diterima umum sebagai kumpulan orang-orang dengan pelbagai ciri-ciri yang berkaitan dengan hubungan sosial, berkongsi perspektif biasa, dan terlibat dalam tindakan bersama dalam kedudukan atau lokasi yang sama mahupun situasi yang diatur bersama. Ahli dalam komuniti adalah berbeza dalam pelbagai perkara dan fungsi tetapi bersama-sama untuk mencapai matlamat yang sama. Rifkin, S.B., Muller, F., dan Bichmann (1988) mentakrifkan komuniti sebagai sekumpulan orang yang tinggal di kawasan yang sama, berkongsi nilai-nilai asas yang sama, membentuk satu organisasi dan menjaga kepentingan kawasan bersama.





White (1982) memberi gambaran komuniti sebagai entiti sosial yang diwujudkan secara tidak rasmi dan dicirikan oleh identiti masyarakat tersebut. Menurut pandangan Manderson, Valencia dan Thomas (1992) komuniti merujuk kepada populasi yang tidak berfokus kepada kedudukan geografi sahaja tetapi yang juga wujud sebagai sebuah entiti sosial yang berasingan berdasarkan identiti kolektif tempatan termasuk untuk tujuan korporat. Berdasarkan takrifan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, komuniti merujuk kepada kumpulan orang yang tinggal di sesuatu tempat atau masyarakat. Konsep komuniti mempunyai pelbagai makna dan berdasarkan Laporan Jawatankuasa Pakar Perawatan Kesihatan Komuniti, *World Health Organization* (WHO, 1974) mentakrifkan komuniti sebagai satu kumpulan sosial yang ditentukan oleh sempadan geografi dan berkongsi nilai serta kepentingan bersama. Setiap ahlinya bersosial dan berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi yang wujud adalah dalam struktur sosial yang tertentu dalam mempamerkan atau mewujudkan norma-norma, nilai dan institusi sosial.

Merujuk kepada Unit Program Pelibatan Swasta dan Program Sekolah Amanah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) komuniti adalah terdiri daripada badan-badan pertubuhan kerajaan contohnya parti-parti politik, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau orang perseorangan; dan apa-apa sahaja entiti yang didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dianggap sebagai swasta. Oleh yang demikian, komuniti dalam kajian ini merujuk sebagai individu atau organisasi yang tinggal di kawasan sekitar berkongsi kepentingan dan perspektif yang sama; melaksanakan tindakan bersama untuk mencapai tujuan yang sama iaitu dalam konteks ini penambahbaikan SBJK bagi memastikan nasib anak-anak gelandangan terbelah.





### 1.9.3 Kolaborasi Komuniti – Sekolah

Kolaborasi komuniti yang sebenarnya melangkaui sempadan pelibatan tetapi turut merangkumi elemen merancang dan membuat keputusan. Elemen memberi ini kuasa kepada ahli komuniti untuk bersama-sama meningkatkan pencapaian modal insan sekolah dan menggalakkan mereka untuk memenuhi hasrat visi dan misi sekolah tersebut. Kolaborasi yang dibentuk merupakan satu anjakan asas bertujuan untuk membantu perkembangan sekolah terutamanya atas keperluan dan perubahan pendidikan awam. Perubahan yang dimaksudkan adalah seperti inisiatif, inovasi dan setiap perkara yang berlaku di sekolah adalah mencerminkan nilai dan keperluan masyarakat setempat. Adelman dan Taylor (2008) memperkatakan hubungan perkongsian sekolah dan komuniti selalu dirujuk sebagai kolaborasi. Melalui perkongsian, sumber yang ada dikongsi sekurang-kurangnya untuk sebuah sekolah dan kadang-kadang satu kumpulan sekolah atau keseluruhan sekolah dalam daerah, digunakan secara optimum dalam persekitaran yang diberikan atau dalam skala masyarakat yang lebih besar.

Tujuannya adalah untuk mengekalkan perkongsian tersebut dari masa ke masa di antara pelbagai entiti dalam masyarakat yang tidak terhad kepada agensi-agensi dan organisasi; mereka merangkumi orang perseorangan, syarikat perniagaan, organisasi, institusi, kumpulan sivik dan agama, program di taman dan perpustakaan, dan apa-apa kemudahan lain yang boleh digunakan untuk rekreasi, pembelajaran, pengayaan, dan sokongan. Hubungan kolaborasi komuniti dan sekolah merupakan peluang pembangunan profesional kakitangan dan perkembangan kerjaya; perkongsian amalan terbaik dan inovasi; dan pengurangan atau menstrukturkan semula beban





tugas guru dan pentadbir. Elemen ini membantu mengurangkan kelesuan dan memudahkan (*alleviating burnout and facilitating succession*) kecekapan organisasi hasil daripada kolaborasi yang dibentuk. Pelibatan komuniti mewujudkan pelbagai kelebihan (WHO, 1991) terutamanya penyertaan komuniti di peringkat tinggi membantu kepimpinan sekolah meningkatkan keupayaan berdikari, kesedaran diri dan keyakinan diri dalam mengenal pasti masalah, malahan membantu mencari penyelesaian untuk mereka.

#### 1.9.4 Penambahbaikan Sekolah

Stringer (2013) menyatakan penambahbaikan sekolah sebagai usaha yang sistematik dan berterusan untuk perubahan dalam pembelajaran atau perkara dalaman lain yang berkaitan dengannya di satu sekolah atau lebih, dengan matlamat utama untuk mencapai objektif pendidikan yang lebih berkesan. Perkara utama dalam penambahbaikan sekolah adalah tertumpu kepada pengurusan pentadbiran dan pelaksanaan pembelajaran melalui perancangan yang teliti. Walaupun terdapat kekangan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dalam sesuatu tempoh, namun proses penambahbaikan adalah bebas terapung dan bukannya mewakili pendekatan yang sistematik atau perancangan rapi yang sentiasa koheren dengan perubahan semasa. Hopkins, Ainscow, dan West (1994) penambahbaikan sekolah adalah sebagai pendekatan perubahan pendidikan yang meningkatkan pencapaian pelajar serta mengukuhkan kapasiti sekolah untuk menguruskan perubahan secara serius.





Teddle dan Reynolds (2000) menyatakan penambahbaikan sebagai keberkesanan sekolah menyumbang nilai tambah kepada metodologi dalam menilai dan menjelaskan mekanisme untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Perubahan organisasi, penilaian sendiri sekolah termasuk pemegang taruh secara tidak langsung mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar dan juga terkesan terhadap amalan di dalam bilik darjah. Stringer (2013) menambah untuk mencapai kecemerlangan di sekolah khususnya bidang yang diceburi, memerlukan komitmen untuk penambahbaikan yang berterusan dan jaminan kepada kualiti yang ingin dicapai. Penambahbaikan sekolah akan menyediakan platform atau suatu set proses yang baik untuk mengenal pasti dan menangani keperluan pembangunan setiap sekolah. Lawrence, Phillips dan Hardy (1999) menyatakan penambahbaikan memerlukan campur tangan bagi membolehkan pihak sekolah mendapat bantuan kepada akses dalam mengenal pasti dan menangani isu-isu pengajaran yang menghalang pelajar-pelajar mencapai potensi diri atau mencapai penguasaan kemahiran terutamanya mata pelajaran teras. Pelan penambahbaikan sekolah adalah seumpama peta yang menggariskan perubahan sekolah, keperluan untuk meningkatkan tahap pencapaian pelajar dan menunjukkan bagaimana serta bila perubahan ini akan dibuat.

Penjelasan yang lain menambah bahawa penambahbaikan sekolah melibatkan penambahbaikan kualiti yang dirujuk sebagai disiplin yang digunakan berdasarkan bukti penyelidikan kuantitatif atau kualitatif untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan, ekuiti, ketepatan masa, atau keselamatan sistem dan proses-proses penyampaian perkhidmatan (McCord, 2002). Sekolah yang terlibat dalam peningkatan dan penambahbaikan akan melalui proses-proses perancangan, haruslah menerapkan konsep penambahbaikan kualiti ke dalam aktiviti harian atau tugas-tugas





mereka yang pelbagai (Hopkins, Ainscow dan West, 1994). Penambahbaikan sekolah ini akhirnya bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah, supaya jumlah pelajar yang lebih ramai mencapai kemahiran dalam mata pelajaran akademik teras. Proses ini menyediakan satu rangka kerja untuk menganalisis masalah dan menangani isu-isu pengajaran di sebuah sekolah bagi mencapai kemajuan yang diperlukan dalam membantu pelajar mencapai potensi diri.

Dalam menerangkan kajian ini, penambahbaikan adalah lebih menjurus kepada meningkatkan kemampuan sekolah dalam mengorganisasikan pentadbiran yang akan menjurus kepada peningkatan mutu pendidikan dari segi pengetahuan atau kemampuan murid dalam sesuatu bidang. Mutu pendidikan di sekolah boleh diterjemahkan sebagai keberhasilan atau kemenjadian murid dari aspek kurikulum, ko-kurikulum dan sahsiah diri. Sebagai salah satu prestasi yang boleh diukur, mutu pendidikan di sekolah adalah titik keberhasilan institusi kerana perkembangannya boleh dinilai, dibandingkan dengan pencapaian sebelumnya dan dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang.

### **1.9.5 Kanak – Kanak Gelandangan**

Profil kanak-kanak gelandangan adalah merujuk kepada kanak-kanak jalanan; terbiar; dalam kategori keluarga miskin tegar; tiada tempat tinggal; berhenti pada pertengahan persekolahan; dan tidak bersekolah atas sebab kewangan; tiada pengenalan diri atau tiada dokumen kelahiran yang sah tetapi diperakui sebagai warganegara Malaysia oleh badan kerajaan atau individu berkeleyakan. Kebanyakan





kanak-kanak ini bertaburan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan mereka kebanyakannya tinggal di (1) bawah jambatan; (2) bangunan tinggal; (3) kaki lima bangunan; (4) rumah kongsi; dan (5) kawasan pembuangan sampah. Dalam kajian ini, kebanyakan kanak-kanak yang menjadi gelandangan adalah disebabkan tiada pengenalan diri yang sah disebabkan tiada rekod kelahiran atau kelahiran yang tidak dilaporkan. Faktor ketiadaan dokumen pengenalan diri menyebabkan kanak-kanak gelandangan tercicir untuk didaftarkan di mana-mana institusi pendidikan kerana pengenalan diri merupakan dokumen wajib bagi tujuan pendaftaran persekolahan.

#### **1.9.6 Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih**



Yahya, (2005) mentakrifkan sekolah sebagai institusi yang dirancang dan diwujudkan mengikut kehendak dan keperluan masyarakat untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak secara teratur dan tersusun. Sekolah turut meliputi suatu bentuk pendidikan formal yang diberi melalui satu sistem yang dilambangkan dan disusun secara berperingkat-peringkat, berstruktur dan berkronologi. Ringkasnya sekolah menjadi tempat penerangan dan pendidikan supaya semua manusia menjadi anggota yang berpengetahuan, berkemahiran serta berfikiran rasional dan bijaksana. Bagi tujuan kajian ini juga sekolah yang akan dirujuk adalah Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) yang beralamat di 39, Lorong Haji Hussein 2, Chow Kit, 50300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.





Penubuhan SBJK adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Profesional KPM Bil. 25/2011 bertarikh 10 November 2011, Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 2/2012 bertarikh 2 Februari 2012 serta Bil. 8/2012 pada 23 Mei 2012 dan keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet KPM Bil. 9/2012 bertarikh 23 Mei 2012. Pengoperasian sekolah ini adalah khas untuk memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak gelandangan yang tiada dokumen pengenalan diri dan tercicir daripada pendidikan formal. Perkara ini menjadikan SBJK adalah satu-satunya sekolah di dunia yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan bagi membantu kanak-kanak gelandangan, yatim piatu, miskin tegar dan mangsa kepada gejala sosial mendapatkan peluang pendidikan (Razak, 2016).





## 1.10 Rumusan

Dalam bab ini, penulisannya adalah bertujuan untuk membawa pembaca kepada alternatif baharu sebagai inovasi bagi membuka ruang kolaborasi yang lebih proaktif antara pihak pentadbiran sekolah dan para komuniti. Walaupun kajian khusus berkenaan peranan komuniti dalam membantu penambahbaikan sekolah amat terhad dilaksanakan di Malaysia, namun pengkaji amat yakin bahawa kajian ini boleh membawa satu dimensi baharu kepada jalinan kerjasama antara komuniti dengan pentadbiran sekolah. Jalinan kerjasama dan kejelekitan atas dasar kepentingan bersama iaitu ke arah penambahbaikan sekolah pastinya merupakan ramuan terbaik dalam memastikan kejayaan matlamat yang dipersetujui tercapai sepenuhnya.

